

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 10 TAHUN 2023**

**PERWAKILAN KUASA KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BAGI KELULUSAN PERMOHONAN PINDAHMILIK DI BAWAH SEKSYEN 120, 214A DAN
433B KANUN TANAH NEGARA 1965, SEKSYEN 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930
DAN SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938 YANG DIBUAT DISEBABKAN
OLEH SIJIL YANG DIKELUARKAN TAMAT TEMPOH**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 10/2023 yang bersidang pada 17hb Mei 2023 telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 120, 214A Dan 433B Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 Dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi permohonan semula yang dibuat disebabkan oleh Sijil yang dikeluarkan telah tamat tempoh sebagaimana Warta Kerajaan KN PU No.1943 bertarikh 02hb. November 2023.

Peruntukan-Peruntukan

Seksyen 120, Seksyen 214A,
Dan Seksyen 433B
Kanun Tanah Negara 1965

Seksyen 13A
Enakmen Rizab Melayu 1930


Seksyen 104
Enakmen Tanah Kelantan 1938

Syarat-Syarat dan Sekatan-Sekatan

Kuasa meluluskan permohonan semula yang dibuat disebabkan oleh Sijil yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan berikut telah tamat tempoh

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 4/2023.

3 Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.



DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, *D.P.S.K.(Kelantan)*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Dr. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN**

NO.FAIL : PTG.KN.1/2/24 (7)
BERTARIKH : 20 JAMADIL AWAL 1445H
04 DISEMBER 2023